



DUA orang anggota bomba menjalankan siasatan setelah sebuah rumah didirikan tepi paya runtuh di Kampung Tebu, Pekan Lama Sungai Petani, Kedah semalam.

Rumah mendap cemaskan tiga beranak

SUNGAI PETANI - Tiga beranak dari Kampung Tebu, Pekan Lama di sini berdepan detik cemas selepas rumah mereka tiba-tiba mendap semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1 petang itu, tiada kecederaan dilaporkan kerana semua mangsa sempat keluar dari rumah untuk menyelamatkan diri.

Mangsa, Rosnani Baharom, 51, berkata, ketika kejadian dia bersama dua orang anaknya berada di dalam rumah tersebut.

"Ketika itu saya sedang memasak di dapur manakala anak-

anak berada di ruang tamu. Tiba-tiba saya rasakan rumah kami bergoyang diikuti bunyi kuat seperti kayu patah.

"Bimbang sesuatu yang buruk berlaku saya segera berlari ke arah anak-anak dan membawa mereka keluar bagi menyelamatkan diri," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambah Rosnani, selepas kejadian itu barulah dia menyedari beberapa tiang di bawah lantai rumahnya telah patah sehingga menyebabkan ia mendap ke dalam bawah.

"Rumah ini dibina sejak 11 tahun lalu mungkin kedudukannya yang dibina di atas tanah paya serta berhampiran sungai menyebabkan struktur tapak rumah tidak begitu stabil.

"Apa pun, saya bersyukur kerana kami semua tidak mengalami kecederaan dan terselamat dalam kejadian ini," ujarinya.

Jelasnya, dia menganggarkan kerugian sekitar RM5,000 kerana banyak perkakasan rumah seperti perabot dan peralatan elektrik turut rosak dalam kejadian itu.